



# Lembaga Minyak Sawit Malaysia

## MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Bil. Tuan / Your Ref.:

Bil. Kami / Our Ref.:

HARI BERTEMU PELANGGAN  
SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN

Tempat: Tingkat 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatuasaan

Wisma Sawit, MPOB Kelana Jaya

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh. &

3.00 ptg. - 4.00 ptg.

(03)04/C/656/2/Jil.2 /2009

27 Julai 2009

Pk (EL) MPOB 03/2009

Semua Pemegang Lesen Kategori Tapak Semaian

Tuan

**PENGUATKUASAAN PINDAAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI TAPAK SEMAIAN DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama dan juga apa-apa syarat yang dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
3. Syarat 4, syarat-syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori tapak semaihan mengkehendaki pemegang lesen mematuhi sekurang-kurangnya garis panduan minima yang diperuntukkan oleh Lembaga, iaitu "Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit" yang dikeluarkan melalui Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2006 yang memperincikan syarat khusus tersebut.
4. Walaubagaimanapun, Mesyuarat Lembaga kali ke-54 yang telah diadakan pada 9 Jun 2009 telah memutuskan untuk meminda perenggan 5, "Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit". Oleh yang demikian, Lembaga mengambil ketetapan untuk menguatkuasakan syarat lesen yang dikenakan ke atas kategori tapak semaihan seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2009 [Pk (EL) MPOB 03/2009]** mulai 1 Ogos 2009.

5. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat khusus dan syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

**“MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH”**

Yang benar,



**DATUK DR MOHD BASRI WAHID**  
Ketua Pengarah  
MPOB

- s.k. - Setiausaha Eksekutif MOPNA  
- Semua Pejabat Wilayah  
- Unit Penguatkuasa  
- Unit Pelesenan  
- Unit Kawalan Mutu

 <b>MPOB</b>	<b>LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA</b> <b>BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN</b> <b>PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB</b>
--	---

Rujukan Pekeliling :Pk (EL) MPOB 03/2009  
 Tarikh Kuatkuasa :01 OGOS 2009  
 Perkara :PINDAAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI TAPAK SEMAIAN

## 1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan pindaan syarat lesen ke atas pemegang lesen kategori tapak semaihan bagi aktiviti menghasilkan, menjual, mengalih, menyimpan anak benih kelapa sawit, menyimpan biji benih kelapa sawit dan menyimpan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit


## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit telah dipersetujui dalam Mesyuarat Lembaga kali ke-34 untuk diperakurkan dan ditentukan oleh Lembaga sebagai garis panduan yang hendaklah dipatuhi sebagaimana syarat 4, Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)] bagi pemegang lesen dalam kategori tapak semaihan.
- 2.2 Penguatkuasaan Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit telah dikeluarkan melalui Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2006 [Pk (EL) MPOB 04/2006] bertarikh 22 Ogos 2006 yang mana pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 1 September 2006 dan adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori tapak semaihan sehingga kini.
- 2.3 Perenggan 5, Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit telah menggariskan bahawa,  
 "Keluasan tapak semaihan yang disediakan hendaklah mencukupi iaitu pada bila-bila masa boleh menampung kapadatan maksimum anak benih sawit dengan saiz, ketebalan dan jarak susunan polibeg mengikut umur anak benih seperti berikut:

Umur Benih (Bulan)	Saiz dan Ketebalan Minimum	Jarak Susunan Minimum	Kepadatan Maksimum/Hektar
4 hingga kurang 10 bulan	31cm x 38cm (12" x 15") 500 gauge	0.75m x 0.75m x 0.75m	20,444
10 hingga 14 bulan	38cm x 45cm (15" x 18") 500 gauge	0.9m x 0.9m x 0.9m	14,197
Lebih 14 bulan	60cm x 75cm (24" x 30") 500 gauge	1.5m x 1.5m x 1.5m	5,111

## JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
 Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpoj.gov.my>




- 2.4 Walaubagaimana pun, setelah kajian dibuat dan pandangan industri kelapa sawit diambil kira dalam pengenaan syarat lesen ini, suatu pendekatan telah diambil dengan memutuskan bahawa syarat lesen sedia ada perlu dipinda untuk memastikan hanya pembekalan anak benih kelapa sawit yang sesuai dan berkualiti ditanam oleh pengusaha estet dan pekebun kecil sawit.
- 2.5 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-54 yang telah diadakan pada 9 Jun 2009 telah memutuskan untuk meminda perenggan 5, "Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian Anak Benih Kelapa Sawit" yang telah dikeluarkan melalui Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2006 [Pk (EL) MPOB 04/2006] bertarikh 22 Ogos 2006.

### **3.0 PENGUATKUASAAN SYARAT LESEN**

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan syarat-syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori tapak semaian seperti berikut:
- (a) "Pemegang lesen hendaklah memastikan anak benih kelapa sawit yang berumur empat (4) hingga kurang sebelas (11) bulan—  
i. saiz dan ketebalan minimum polibeg yang digunakan adalah 31sm x 38sm (12" x 15"); dan  
ii. jarak susunan minimum polibeg adalah 0.75m x 0.75m x 0.75m."
- (b) "Pemegang lesen hendaklah memastikan anak benih kelapa sawit yang berumur sebelas (11) hingga empat belas (14) bulan—  
i. saiz dan ketebalan minimum polibeg yang digunakan adalah 38sm x 45sm (15" x 18"); dan  
ii. jarak susunan minimum polibeg adalah 0.9m x 0.9m x 0.9m."
- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar syarat-syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN**  
**WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>




#### 4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2009 [Pk (EL) MPOB 03/2009] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori tapak semaian.

#### 5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2009.

#### 6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN



DATUK DR MOHD BASRI WAHID  
Ketua Pengarah  
MPOB

Tarikh: 27 JULAI 2009

JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>